



Headline: Panik dituduh terlibat kes wang haram, dua suri rumah rugi besar Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sabah)

Date: 13 April 2019

Section: Citra Utusan

Page: 5

Panik dituduh terlibat kes wang haram, dua suri rumah rugi besar

MIRI: Panik apabila dituduh terlibat kes pengubahan wang haram sebanyak RM1.2 juta, seorang suri rumah di sini terpaksa tanggung kerugian apabila wang simpanannya berjumlah RM239,000 lesap setelah diperdaya sindiket Macau Scam.

Mangsa berusia 40 tahun itu mula diperdaya apabila menerima panggilan dari seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai Kastam dan mengatakan mangsa mempunyai hutang Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sebanyak RM45,700 bagi sebuah syarikat yang didaftarkan atas nama mangsa.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Sarawak Superintenden Mustafa Kamal Gani Abdullah berkata, mangsa menafikan perkara tersebut dan talian mangsa disambungkan kepada seorang lelaki yang menyamar sebagai polis bagi menguruskan proses penyelesaian hutang GST berkenaan.

“Suspek memberitahu nama mangsa dikatakan turut terlibat dalam sindiket kes pengubahan wang haram berjumlah RM1.2 juta.

“Mangsa yang panik telah diugut dan diberi pilihan sama ada menyerah diri atau membuat pindahan wang dari akaun mangsa kepada akaun yang akan diberikan suspek, kononnya

bagi tujuan siasatan,” katanya dalam kenyataan media pada Rabu.

Menurutnya lagi, suspek mengatakan akan membuat tangkapan terhadap mangsa sekiranya wanita itu tidak memberikan kerjasama.

“Mangsa kemudian mengikuti arahan suspek yang mana dikehendaki untuk membuka akaun bank baharu dan memindahkan wangnya sebanyak RM213,000 ke dalam akaun itu.

“Seterusnya mangsa mengeluarkan wang berjumlah RM26,000 daripada akaun banknya dan kemudian memasukkan wang tersebut ke dalam akaun bank suspek.

“Bukan itu sahaja, mangsa turut memberikan log masuk perbankan internet dan Kod Pengesahan Transaksi (TAC), lalu suspek mengambil kesemua sekali duit dalam akaun baharu itu,” jelas beliau.

Mangsa menyedari dirinya ditipu panggilan palsu setelah suspek tidak lagi dapat dihubungi.

Sementara itu, di Bintulu, nasib yang sama turut menimpa seorang suri rumah berusia 39 tahun apabila kerugian RM2,380 setelah diperdaya sindiket Macau Scam.

Mangsa menerima panggilan daripada seorang wanita pada 4 April lalu yang memperkenalkan

diri sebagai Kastam Pulau Pinang mengatakan nama mangsa didaftarkan atas sebuah syarikat yang mempunyai hutang GST berjumlah RM51,076.

Mustafa berkata, mangsa menafikan perkara tersebut dan talian telefonnya disambungkan kepada seorang lelaki yang menyamar sebagai polis.

“Mangsa diminta memberi nombor kad pengenalan dan kemudian telah diberitahu namanya terlibat dalam kes sindiket penyalahgunaan dadah.

“Bagi menyelesaikan kes ini, mangsa dikehendaki mengeluarkan semua duit dalam akaun mangsa dan memasukkannya ke dalam akaun yang diberikan suspek.

“Mangsa yang terpedaya telah memindahkan wang sebanyak RM2,380 ke dalam akaun bank suspek pada hari yang sama,” katanya.

Mangsa mula menyedari dirinya ditipu oleh panggilan palsu setelah pembayaran dibuat, mangsa tidak lagi menerima panggilan telefon daripada suspek.

Mengikut rekod daripada 1 Januari hingga 9 April, sebanyak 33 kes Macau Scam dilaporkan bagi kontinjen Sarawak melibatkan jumlah keseluruhan kerugian sebanyak RM883,173.58.